

Sekolah, IPT di Sabah berperanan penting

Chris Maskilone DE 06/11/2011 1

KOTA KINABALU: Sekolah dan institut pengajian tinggi di Negeri ini mempunyai peranan penting dalam melahirkan tenaga kerja berpengetahuan untuk membolehkan Sabah memainkan peranan positif dalam pembangunan negara.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata, peranan sekolah penting daripada segi perkembangan awal pendidikan.

Dengan itu, katanya, kerajaan Negeri sentiasa menyokong pembangunan pendidikan, dan terus bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan terdapat sekolah dan institusi pengajian tinggi yang mencukupi di negeri ini.

Untuk itu, katanya, kerajaan negeri memberi peruntukan berjuta-juta ringgit setiap tahun kepada sekolah persendirian dan sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga sekolah mubaligh di Sabah.

SJK (c) Chung Hwa Likas adalah salah sebuah sekolah penerima yang mendapat faedah daripada dasar kerajaan ini, katanya di Malam Kebudayaan sekolah itu di Dewan Tshung Tsin di sini Sabtu.

Ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat Datuk Dr. Yee Moh Chai.

"Kita juga berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengumumkan dalam Belanjawan 2012 keputusan untuk menguntukkan RM100 juta masing-masing kepada sekolah Cina, Tamil dan mubaligh serta institut Mara.

"Semua inisiatif ini jelas menunjukkan kepekaan kerajaan Persekutuan dan Negeri terhadap keperluan pelbagai jenis sekolah dalam usaha meningkatkan tahap keseluruhan pendidikan di negara ini," katanya.

Musa yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan Negeri juga berhasrat merapatkan jurang wilayah di tempat-tempat tidak terdapatnya pendidikan tinggi.

Dalam soal itu, katanya, Sabah telah memajukan hab pendidikan di Sandakan, yang sekarang ini menawarkan kursus

dalam pertanian mapan di bawah Universiti Malaysia Sabah (UMS), dengan institusi lain akan memasuki aliran itu tidak lama lagi.

Beliau berkata, kerajaan Negeri berbangga kerana SJ (c) Chung Hwa Likas terus cemerlang dalam akademik dan aktiviti ekstra kurikulumnya.

Beliau menyifatkan kejayaan itu hasil daripada kombinasi sistem pentadbiran sekolah yang baik, kerja keras lembaga pengarah sekolah dan komitmen kuat daripada Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dengan setiap komponen memainkan peranan mereka dengan tekun.

"Kemampuan semuanya bekerjasama dan saling tolong-menolong untuk kebaikan sekolah itu adalah perkara yang membolehkan pelajar cemerlang dalam pengajian mereka.

"Kita semua tahu, jurusan pendidikan memerlukan semua jenis input untuk membolehkannya berkembang, termasuk keperluan kakitangan berkualiti dan peralatan yang membantu memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran," katanya.

Beliau juga mendapati SJK (c) Chung Hwa Likas, sebuah pertubuhan di bawah Dewan Perniagaan Cina, sedang mengikut perubahan pesat yang berlaku dalam teknologi maklumat yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran, serta juga perlu menyelaraskan dirinya dengan dasar aliran utama pendidikan.

Mengenai konsert itu, beliau berkata, ia merupakan platform untuk kanak-kanak yang membesar untuk mempelajari nilai, seperti keperluan untuk bekerjasama antara satu sama lain, dan pentingnya ketepatan masa.

"Ia juga cara bagi kanak-kanak untuk belajar teknik untuk menonjolkan pemikiran mereka yang kemudian menggalakkan murid melahirkan pemikiran mereka di sekolah dan kemudian menjadi dewasa serta mencari pekerjaan dalam dunia yang semakin lebih berdaya saing.

Beliau juga memuji pengerusi PIBG Kong Yu Kiong kerana di bawah kepimpinannya persatuan itu telah dapat menjaga kebajikan murid, latihan guru serta pelbagai keperluan sekolah itu dengan baik.